


DOGGED #3


you bet! Raw and chaotic like usual, get use to it or go piss off!! ☺



Isu ini adalah mengenai makna dan nilai. Isu ini juga adalah mengenai kehidupan seseorang, Kehidupan saya dan juga pembaca. Isu ini adalah hasil dari belaian lagu-lagu The Smith/Morissey, Travis, Stone Roses, Mineral dan karya pengseni-pengseni yang kaya dangan passion yang tidak lame dan horny serta bijaksana dikesayuan malam yang sunyi dan dingin. Isu ini adalah ilham daripada filem-filem yang menyentuh naluri dan perasaan. Isu ini adalah cetusan dari penghayatan jiwa dan penulisan manusia-manusia yang tahu menilai. Isu ini adalah garapan pengalaman-pengalaman singkat yang sukar disingkapkan menjadi sebuah pengajaran tetapi sekadar kenangan yang membentuk peribadi seseorang sedikit demi sedikit. Isu ini ialah Dogged isu yang keempat. Isu ini adalah 32 mukasurat termasuk kulit bersaiz A5. Isu ini berharga Ringgit Malaysia dua ringgit. Isu ini sesangatlah DIYnya. Isu ini amat punk. Isu ini merupakan alahan kepada isu-isu Dogged yang lepas dan zine-zine political yang lagaknya umpama revolusionaris yang terlalu enthusiastic tetapi clueless. Isu ini adalah reaksi saya terhadap zine-zine emo yang typical yang melemaskan dan melata-lata di negara ini. Isu ini adalah untuk membuat anda berasa tak senang duduk apabila membacanya dan rasa nak pegi ke jamban je memanjang. Isu ini adalah saya punya expression sepenuhnya dan se-berterus-terang yang saya mampu. Isu ini adalah cabaran kepada diri saya dan sesiapa yang terasa. Isu ini adalah untuk menarik perhatian awek-awek hardcore yang cun dengan harapan mereka akan tersangkut dengan penulisan saya dan seterusnya saya. Isu ini ialah cubaan untuk melepaskan diri dari belenggu kebiasaan yang tidak dapat digambarkan. Isu ini adalah demi kepuasan.



Isu ini boleh dimailorder melalui alamat saya:
Rostam, No DU 54, Kg Berchang,
27100 Padang Tengku, Kuala Lipis,
Pahang, Malaysial.
KegilaanRemaja@Yahoo.com



Dan mereka membaca, perkara-perkara yang indah, yang membuka minda mereka, membuka mata mereka. Kepada sesuatu yang belum pernah mereka jangkakan, yang menjadikan mereka insan bijaksana dan istimewa. Insan yang menyedari kewujudannya.

Dan mereka menulis, perkara-perkara yang indah belaka, yang membuka minda si pembaca, membuka mata mereka. Kepada sesuatu yang belum pernah mereka jangkakan, yang menjadikan mereka insan bijaksana, sebijak penulis, insan yang menyedari kewujudannya.

Dan mereka mengenali antara satu sama lain, hati budi dan sifat semuanya, menjadikan mereka sangat memahami antara satu sama lain, sesama mereka, menjadikan mereka rapat bagaikan irama dan lagu, dan mereka sangat menghormati hubungan itu, dan juga antara satu sama lain, sesama mereka, insan istimewa. Insan yang menyedari kewujudannya.

Dan mereka semuanya indah belaka, kerana mereka membaca, dan menulis, dan mengenali antara satu sama lain. Menjadikan mereka semua cantik di mata dan hati sesama mereka, tiada yang seteru, tiada yang berbeza, semuanya sama sahaja, sama indah, sama cantik. Sama-sama insan istimewa. Insan yang menyedari kewujudannya. Punkhardcore.


Isu ini didedikasikan buat seorang insan yang istimewa di hati saya, yang saya tahu ada diluar sana, tetapi saya tidak tahu dimana, dan siapakah dia. So..017-3963810☺

19 tahun dan beberapa bulan, masa tidak pernah mempedulikan hati dan jiwa yang terperangkap dalam jasad ini. Perjalanan ini baru bermula. Disetiap perhentian saya sudah hampir merasai semuanya, namun ianya masih terlalu sedikit bagi bekalan sebuah perjalanan. Sedangkan diri ini sudah memandai-mandai berasa bosan? Hahaha berlagak sungguh! Sedarlah diri ini masih mentah, terlalu kerdil. Tetapi hati dan kecekalannya sudah cukup besar mengharungi setiap ramp dan rail dan funboxes sepanjang perjalanan yang entah bila penghujungnya ini. Apa yang anda baca dalam isu ini merupakan gambaran kehidupan dan jiwa budak hingusan ini. Setiap penulisan adalah cetusan semulajadinya yang asli, yang barangkali tiada kaitan dan tidak penting langsung buat anda semua. Biarkanlah dia hanyut, jika anda tidak mempedulikannya. Heh, jika di dunia ini masih lagi wujudnya 'hak', satu-satunya 'hak' yang masih wujud dan layak ke atas setiap insan di dunia ini ialah 'hak untuk bermimpi'. Hak untuk mengimpikan apa sahaja. It's a jungle out there, even in the hc/punk scene. And the only reason this would have happen is the lack of intelectualism. Bye and enjoy your dreams while you can, because face it, reality sucks!




Akan tiba masa pada suatu hari nanti dalam hidup kita apabila kita akan menghadapi satu proses peralihan atau perubahan. Samada beralih dari alam kanak-kanak ke alam remaja dan seterusnya dewasa. Ataupun berpindah tempat tinggal. Ataupun apabila kehilangan seseoarng yang rapat dan dikasihi. Ataupun apabila persahabatan berubah menjadi cinta monyet dan berubah menjadi cinta sejati. Ataupun dari seorang 'zombie' atau 'robot' menjadi seorang manusia yang mempunyai perasaan dan nilai diri. Apabila tiba waktu itu, kita akan sedar bertapa perlunya perubahan dan proses peralihan tersebut dalam hidup kita. Walaupun kebanyakkan dari kita takut atau tidak dapat menerima perubahan, terutama sekali perubahan mendadak. Sesetengah perkara adalah lebih baik left unchange. Namun saat itu akan tiba juga apabila kita akan menghadapi perubahan tanpa kita sedari. Dan apabila kita telah menyedarinya, ianya telah pun terlewat untuk kembali. Kadang-kadang perubahan tidak dapat dirancang dan diluar kuasa kita. Tetapi selalunya kita sendiri yang mahukan perubahan dan cuba untuk berubah dari keadaan yang baik atau teruk ke keadaan yang lebih baik atau mungkin ada segelintir manusia telah bosan dengan sesuatu keadaan dan mahukan perubahan.Ada perubahan yang baik dan ada perubahan yang sebalikna namun apapun tanggapan kita, akan tiba juga satu saat dalam hidup kita apabila kita terpaksa dan akan menghadapi peralihan dan perubahan. Setiap manusa tidak dapat lari dari perubahan dan kita perlu belajar utuk menerimanya. Benar, somethings are not meant to change tapi tidak kehidupan manusia. Kehidupan manusia are meant to change for worst or better.






Apa itu emo? Satu istilah yang menerangkan perasaan yang menggambarkan kesedihan, cinta dan kehidupan atau satu remark kepada mereka yang suka mengikut perasaan dan emosi mereka atau kepada yang berjiwa romantis gersang dan itu lagu/music emo? (jiwang)? Apa beautiful seperti The Lagu puitis dan Coldplay, Death smith, Travis, etc atau lagu-lagu Becomes Her☺ meleret-leret itu (takut pasrah hardcore yang 'lebih emo'? Penulisan, nak bagi contoh☺)? Apa itu luahan dan lagu yang membuatkan seseorang berfikir mengenai kehidupan dan nilai-nilai perasaan dalam kehidupan sebagai seorang manusia atau penulisan, luahan dan lagu yang hanya merenget tentang cinta, kekecewaan dan kesedihan semata-mata yang tiada penghujung dan penghayatan maknanya serta melemaskan jiwa seseorang apabila membacanya? Adakah zine atau cover kaset yang memaparkan gambar keindahan alam, bunga-bungaan, gambar gadis cantik dan dua insan sedang bercinta berpelukan, berpegangan tangan itu menunjukkan sikap yang lemah, megikut perasaan, emosi dan nafsu serta lemah pendiriannya dari zine atau cover kaset yang memaparkan gambar peperangan dan lambang 'A' besar itu menunjukkan sesuatu yang lebih kuat, teguh, gagah dan tegas pendiriannya? Adakah politic itu adalah sesuatu yang harus begitu serius umpama tiada perasaan dan nilai kemanusiawian langsung padanya? Adakah zine seperti Dogged isu ketiga ini diconsiderkan sebagai zine emo nak mampos? Adakah sesorang yang sangat anarcho dan political itu telah sedar dan seseorang yang 'emo' itu masih mengelamun? Adakah seseorang yang emo itu harus seperti mengelamun dan bermimpi? Adakah seseorang yang emo itu tidak perlu bersikap radikal? Adakah 'emo' it tidak political in some sense? Adakah hanya segelintir golongan sahaja manusia yang boleh menjadi 'emo' yakni berbakat menghasilkan sesuatu yang bermakna dan indah dari lubuk hatinya dan mampu meluahkan perasaannya dengan baik? Adakah yang lain itu hanya tahu 'potensi' dan keindahan emo tetapi tidak berbakat untuk menggarapnya? Atau adakah dalam dunia ini wujud emosi yang tidak stabil, lame, corny dan horny atau emosi yang passionate, wisdom full dan intelligent? Adakah? Adakah?



Pagi- di kelas mendengar syarahan, kemudian terfikir tentang alangkah bagusnya jika setiap manusia di dunia ini mendapat peluang menimba ilmu dan belajar tentang apa sahaja yang mereka mahu, bukan apa yang disuapkan kepada mereka. Tengahari- makan tengahari, melihat gelagat pelajar-pelajar di pusat pengajian ini dengan gaya dan sikap mereka yang menunjuk-nunjuk kemewahan mereka dan bersikap seperti menghina mereka yang tidak 'setaraf' dengan mereka. Aku masih boleh belajar dan makan tengahari disini? Bernasib baikkah aku? Terfikir sebentar mengenai alangkah bahagianya dunia ini jika tiada pemisahan antara taraf hidup dan kelas dalam masyarakat. Petang- pulang dari pusat pengajian menaiki bas, terlihat gelagat remaja ketawa riang, tidak pernahkah terlintas di fikiran mereka akan kesusahan hidup insan lain yang tidak senasib dengan mereka? Sementara segelintir pula berkumpul dengan rakan-rakan 'sebangsa' dengannya, terbayang sikap prejudis mereka sesama kaum. Semasa di dalam bas, terlihat seorang lelaki pancit motornya dan seorang tua cuba melintas jalan. Terfikir seketika, jika aku tidak menaiki bas ini, mahukah aku menolong mereka? Terpandang pula adegan yang lebih tragis, dimana insan yang 'istimewa' dan 'berbeza' dihina sekumpulan remaja yang berpendapat mereka sungguh 'sempurna'. Petang sikit- berjalan di jalanan-jalanan yang dikelilingi bangunan indah pencakar langit, lambang kemajuan dan kejayaan bangsa. Terfikir seketika, dimanakah pula 'bangsaku'?. Terlintas di dalam hati, memilih jalanan lain, jiwaku tidak sesuai di lorong keangkuhan ini, dan di suatu lorong sepi di belakang bangunan tinggi yang mewah itu, dimana manusia-manusia yang kutemui sepanjang hari tadi tidak mungkin akan menjejakkan kaki mereka. Terpandang perpandangan yang sungguh menyayat hati, insan kurang upaya meminta sedekah, terlintas di dalam hati mahu menghulurkan sesuatu. Dan melihat anjing dan kucing terbiar kelaparan, mahu sahaja berhenti sebentar menghulurkan apa sahaja, namun inilah manusia di kota, masing-masing sibuk mengejar sesuatu, sesuatu yang aku pun tak tahu apa. Malam- sepanjang malam tetap bertemu permandangan dan adegan yang sama, fikiran masih melayang perkara anggapan buruk. Larut malam- bersendirian, satu-satunya pemandangan dan adegan dan insan yang kutemui ialah diriku, seorang yang tidak kena pada tempatnya, seorang yang tidak kena pada masanya. Apakah bezanya insan ini antara mereka, cuma tahu merungut sahaja?




Alangkah manisnya apabila datangnya satu ketika yang singkat itu apabila kita tersenyum dan berasa tenang serta tenteram, walaupun ianya cuma dalam jangkawaktu yang singkat dan sementara. Mungkin saya patut men consider dan relook on the wonderfulness dan kuasa of positive thinking. Menghargai detik yang sementara itu, menghargai sedikit kebahagian dan kegembiraan yang tinggal dalam beribu-ribu kepahitan dan kesialan dalam kehidupan dan apa yang mengelilingi saya. Menghargai apa yang ada, dengan semua keserdahanaan, yang nasib baik ada, yang sekurang-kurangnya ada. Walau sesingkat mana atau sekecil mana pun bait-bait kebahagiaan itu, jika ianya mampu untuk mengukir senyuman kecil mana pun serta menenangkan hati yang sedang bergolak, diri ini sudah puas dan, kerana nasib baik ada, kerana sekurang-kurangnya ada. Melihat dan menilai kembali apakah ertinya menjadi seorang insan yang bergelar manusia, a person, saya hampir mengerti bertapa perlunya seseorang itu berasa gembira dan bahagia dalam hidupnya. Jika seorang self-claimer loveloser mampu tersenyum kecil tatkala wanita pujaannya yang saban hari dia memerhatikan, yang setiap hari yang berlalu cuba didekati, walaupun cuma berselisih untuk ke kelas masing-masing, telah mengukirkan senyuman kepadanya. Hargailah saat itu, hargailah perasaan sawan dan sensation yang dialaminya ketika itu walaupun ianya hanya sebesar kuman dan sesuku saat saja detiknya, kerana ianya merupakan kebahagiaan, happiness. Understand that happiness, tak kira sekecil dan sesingkat mana atau sebesar dan selama mana, is equally important bagi kita as a person. Tak kira bertapa pathetic-nya kita, jika happiness yang kita cari, mamposlah apa orang nak kata kerana kita tahu kita adalah punk, dan kita ialah seorang punk yang sedang menghayati happiness.





Daripada banyak-banyak perkara yang kita lakukan di dunia ini atau yang terjadi ke atas kita, apa yang penting sekali ialah the good thought that count. Jangan negetifkan fikiran kita sendiri dengan tanggapan buruk, terutama perkara pertama sekali yang muncul di fikiran kita, ia tidak sepatutunya satu tanggapan yang buruk atau serong. Kerana ianya akan membawa kepada keresahan dan panik sehingga pertimbangan kita terganggu. Always ambil sedikit masa, tenangkan diri dan selami the good thought yang terdapat pada sesuatu perkara yang kita lakukan dan terjadi pada kita itu, jika ada la. Jika niat kita sememangnya tidak baik, iaitu sehingga boleh menyusahkan orang, don't bother about the good thought which count la. Jika kita seorang yang pentingkan perasaan dan nilai, kita akan mempunyai kelebihan untuk mengenal pasti the good thought untuk semua perkara yang kita lakukan atau terjadi ke atas kita, kecil atau besar, biasa atau penting. Walaupun cuma saat gembira dan gladness yang kita rasa sewaktu merayau tanpa tujuan dengan motosikal pagi-pagi buta di bandaraya bersama dear friends kita, having the thought of bertapa bestnye kita rasa melakukan sesuatu yang tak dirancang, yang tidak mungkin akan dilakukan oleh orang-orang lain yang suka ikut peraturan tu. Perasaan best sewaktu kita bawak moto slow-slow (tak racing) just untuk menikmati kesunyian dan ketenagan pagi di bandaraya yang tak mungkin wujud pada hari siang, perasaan best sewaktu udara pagi yang sejuk menyapu muka kita masa bawak moto tu, dan perasaan best sebab kita menghabiskan dan menikmati ke-best-an perkara yang kita buat tu dengan dear friends kita. Itu yang penting, walaupun perkara tu pada orang lain yang suka ikut aturan itu menganggap ianya adalah perbuatan sia-sia, tapi it's the good thought that count, rasa 'best' yang kita alami tu yang penting. Diorang tak perpeluang untuk rasa apa yang kita dan dear friend kita rasa. Remember, tak kira apa pun yang kita buat dan terjadi kat kita, it's always the good thought that count. Carilah good thought itu dan senyumlah sahabatku....

Seringkali saya bermimpi, melihat sepasang mata yang sangat jernih, sehingga saya dapat melihat jauh ke-lubuk hati pemiliknya. Sinar matanya menggambarkan perasaan cinta yang sangat mendalam dan ikhlas, membuatkan hati saya amat tersentuh. Dan sepasang mata itu, amat cantik, merenung jauh, tepat ke dalam mata saya. Mata kami yang bertentangan, seolah menghubungkan dua hati kami menjadi satu. Dan saya tidak pernah jemu menatap sepasang mata yang cantik itu. Dan tidak semena-mena sepasang mata yang cantik itu, mengalirkan air mata jernih. Saya tanyakan mengapa dia menangis, lalu dengan satu suara yang sungguh lembut dan ikhlas berkata, maafkan dengan kehadiran si air mata, sekiranya ia merunsingkan fikiran dan hati saya. Tetapi hatinya tersentuh, dengan keikhlasan cinta kita berdua. Dan kata-kata akhir itu sungguh menyayat hati tetapi hati ini amat gembira mendengarnya, dan saya dapat rasakan kebahagiaan yang belum pernah saya rasakan. Dan ketika itulah saya terjaga. Dan saya sedar semuanya mimpi belaka. Dan saya tidak sedar dan ingat sedikit pun, wajah siapakah yang memiliki sepasang mata yang cantik itu. Dan hati ini kembali sunyi, sesunyinya malam itu dan sebelumnya.



matlamatnya dan apa yang mereka buat. Aku pun terlibat sama dengan komplot ni☺. Ada masalah sikit tentang alamatnya disebabkan masalah dalaman yang dihadapi Sober sekarang. Budak-budak sober, tau-tau jelah macammana☺. Apapun ini alamat e-group Sober : Sobergroups@yahoo.com

Family #1/ size A4/ 2ms
Quite thoughtful. (Hmm.. camna nak translatekan tu ke bahasa melayu?) Ade artikel pasal love dan homophobic – this guy is not homophobic and he is not merely conform to his belief, he have reason and that's cool! Selebihnya news dan classifieds. Mohd Fairuz Omar, 16, Jln Perdana 36A, Taman Bukit Perdana, 83000 Batu Pahat, Johor.

Scumbag International #4/ size A4/ 4ms
Now this is a newsletter!☺ No whinning, no intensity, straightly news and what have the label been up to (hmm.. camne nak translatekan tu ke bahasa melayu). Ni barulah newsletter, takde bebel-bebel, takde intensity..blah blah..blah ahh payah!! Age's rock but they're a label so padan la n/l ni pro produced printed. Just jangan over do sehingga menyimpang dari etika DIY punk sudah. Age's still rules! Joe Kidd best☺. Age: 14A Bukit Ceylon 50200 Kuala Lumpur.

Voice from the Mind #2/ size A5/ 4ms
Ade.. cite pasal perkauman dan homophobic – people need to be reminded always, period! Satu lagi artikel bijak pasal consumerism/kapitalisme yang semakin menular di dalam scene oleh Kidzwan, check it ot, worth reading, not your typical mom babbling type because he got constructive point dan selebihnya berita dan review. Huzaiba, 1-D56 Pusat Latihan Pertanian Pintu Padang, 27600 Raub, Pahang.


Hilang Punca #2/ size A5/ 8ms
Hik hik☺. Hilang punca sedap☺. At least for this issue. Aku kenal rapat Firdaus, he got attitute which is cool and I like. He got the witty charm, always open and that's very punk in a way walaupun banyak lagi yang dia perlu belajar, tu pun kalau dia nak serius. Ok dalam n/l ni ada editorial yang panjang, penulisan (ranting) berunsur kreatif pasal he/punk dan interbiu ngan Kia (ex-Knickerbockers). Witt punk forever!! Witt witt witt!! No 38, Lorong Sri Mahkota Aman 5, Taman Sri Mahkota Aman, 26070 Kuantan, Pahang. Konspirasiotak@hotmail.com

Nothing #4/ size A4/ 2ms
Let's see.. editorial- "hi apa khabar, sehat? Bla.. bla..blah.."☺, artikel pendek pasal politik dan punk –finally someone local yang tahu how to use the 'term' 'politik'☺. Bandar Tenggara Kulai scene report, surat peminat tolong-tolong komen dan akhir sekali thanks list☺. Ibrahim, B 366 Jalan Kekwa 1, Felda Ulu Belitong, 86000 Kluang, Johor.

Satu hari nanti saya harap, saya harap saya akan keluar berjalan dengan manusia tanpa perlu berasa takut dan terasing. Mereka akan senyum kepada saya dan saya akan membalas senyuman mereka, lalu mereka menanyakan khabar dan saya juga terbuka hati menanyakan khabar mereka, dan mereka tidak lagi takut dengan perbezaan antara kami dan mereka sangat menghormati dan memahami saya sepertimana saya juga akan memahami dan menghormati mereka. Saya harap, satu hari nanti saya harap saya tidak perlu lagi mendengar tangisan kesengsaraan mereka kerana perbuatan hidupan yang sejenis dengan kami, kami tidak perlu lagi membenci antara satu sama lain. Saya harap, saya harap kami semua menemui kebebasan yang kami cari dan kami akan menjaga tempat tinggal kami, dan segala keindahan di atasnya dengan sebaik-baiknya, bersama-sama, saya harap. Saya harap, satu hari nanti saya harap, saya akan terjaga dari tidur mendapati ada seseorang disebelah saya, seseorang yang saya kenali, saya cintai, tidur lena disamping saya bagaikan bidadari dari kayangan, dan saya merenungnya tidur dengan senyuman, dengan perasaan kasih sayang yang sejati, dan saya akhirnya dapat rasakan apa itu kebahagiaan. Saya harap saya sedar inilah insan yang saya cintai sepenuh hati saya.. Saya harap, saya harap suatu hari nanti saya harap hidup saya tidak mengecewakan saya, saya harap. Saya harap suatu hari nanti.



Tidak mengapa untuk berasa takut, tidak mengapa untuk menunjukkan perasaan takut kita. Tidak guna berlagak berani semata-mata takut orang lain menyedari ketakutan kita. Tidak mengapa untuk berasa takut. Jika seorang anak kecil takutkan kegelapan, kegelapan yang menyelubungi ruang yang kecil. Dekatilah dia, tenangkanlah dia, katakan kepadanya bahawa kita tahu dia sedang ketakutan, tidak mengapa untuk berasa takut. Dan terangkanlah kepadanya apabila ketakutan menyelubungi kita, naluri untuk mencari perlindungan dari seseorang itu timbul, dan orang yang mengasihinya pasti akan terasa ketakutannya, dan mereka akan melindunginya kerana tiada apa yang lebih bermakna dan diminta dalam diri seseorang dari perasaan yang timbul apabila menyedari dirinya diperlukan. Dan oleh kerana itu, tidak mengapa untuk berasa takut. Tidak mengapa untuk berasa takut, takut akan kehilangan. Kehilangan sebuah kehidupan yang bahagia, kehilangan sebuah kehidupan yang aman, apabila orang saling kasih-mengasihi antara satu sama lain, apabila manusia tidak menindas dan menganiyai orang lain, apabila tiada peperangan yang menghancurkan kehidupan setiap insan. Dan oleh kerana itu, tidak mengapa untuk berasa takut. Kerana ketakutan itu merapatkan manusia, kerana ketakutan itu manusia saling memerlukan. Dan oleh kerana itu tidak mengapa untuk berasa takut. Kerana ketakutan merupakan kesedaran, ketakutan merupakan naluri yang tajam, ketakutan merupakan amaran, ketakutan merupakan langkah berjaga-jaga. Ketakutan tidak menipu tuannya, ketakutan hanya bimbangkan tuannya. Bukan pengecut kalau dia takutkan sesuatu, kerana istilah bodoh itu direka oleh mereka-mereka yang pada hakikatnya lebih pengecut kerana takut pada ketakutan, buta kerana keberanian yang membuta-tuli, keberanian yanng tidak memikirkan kesan, keberanian yang bersifat mementingkan diri sendiri. Dan oleh kerana itu, tidak mengapa untuk berasa takut. Takut kehilangan cinta sejati dan nilai-nilai dalam diri seorang manusia.



kita tau dia ada buat rujukan dan penyelidikan. Banyak menyentuh pasal freedom dan etc. Interbiu ngan Aftermath yang aku suka jawapannya, senang hati baca☺. Pastu ngan Radical zine, ngan Solidaritas pon mestilah best gak, sape tak kenal Najib Anuar☺? Dan dengan Strict Tease. Ada international scene report (Laguna dan Russia) dan selebihnya review zine dan record yang bagus. Hampir sangat menarik. Fazri, B- 783 Kg Banggol Limau, 21200 Kuala Terengganu, Terengganu.

Newsletter Reviews

Mirror of Mind #2/ size A5/ 4ms
Editorial.... Surat dari Najib Anuar pasal sekolah yang dulu tu (tercicir)... interbiu ngan Imbeciles by Class, band punk dari Brunei. Surat lagi dari Boi dari Philipine pasal perang kat rantau dia dan infos... itu dia..ok ape..no racist, no sexist, no homophobic, no fascist. Aizuddin Ali, Rumah Rakit, Lorong Gajah Mati, 15000 Kota Bharu, Kelantan. XXXDinXXX@hotmail.com.

Life is Funny #1/ size A5/ 8ms
Yearh, Nick Ikhwan rules hehe!! Tengoklah bagaimana HC/punk menyerlahkan passion dan nilai dalam diri seseorang –(who was once a skinhead☺). Good reading, nice wordings, cool quotes and lift-outs. Interbiu yang quite menarik dengan Weng. Best! Nick, 495, Jln kk 2/2, Bandar Baru Kubang Kerian, 16150 Kota Bharu, Kelantan. Freedom_junkie@hotmail.com.

Eksyen!!! #2/ size A5/ 8ms
Peace punk n/l? Whatever☺. Quite bagus, artikel dan surat orang berkisar tentang peacepunk vs choaspunk, tambang LRT yang mahal. Interbiu ngan Desecrate. Segamat dan Shah Alam scene report. Classifield etc. Informative nevertheless. Azmie, Warong P. Ramlee, Kg. Tandong, Buluh Kasap, 85010 Segamat, Johor.

KOOF foundation #1/ size A4/ 4ms
Bagi sesiapa yang tak tau KOOF ialah singkatan bagi 'Keepsake Of Obscured Friends', sebuah pertubuhan kebajikan bukan kerajaan bagi menjaga hak orang asli Malaysia. Dalam n/l ada information pasal KOOF dan matlamat perjuangan mereka – tolong aborigines. Cerita pasal masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan aborigins (orang asli) kat Malaysia dan terutama sekali pasal Selangor dam project etc. Sadly I think KOOF is RIP (?) –So, latest alamat tak pasti, sorry.

Sober #0/ size A4/ 2ms
Ok, agaknya semua dah tahu tentang Sober collective. Sebuah collective untuk sXedger dan ini ialah n/lnya untuk menerangkan apa itu Sober dan

Cronically Donut #11/ size A5/ 40ms

Kalau direject Vortex from the East. Cronically Donut ialah zine tertua di Tanah Melayu Merdeka ni. Walaupun editor zine ni kaki noise crust/grind namun isi zine ni terdapat influences literature yang kuat. Inilah apa yang saya sebut sebagai 'the magic/wonders of zine' dimana penulis-penulis kreatif muda yang berbakat cam Saudara Syed Syahrul Zarizi dan Saudari Kairiah berpeluang menyalurkan minat penulisan mereka kepada pembaca. Tak payah pun antar manuscript kat major corporate publication yang kebarangkalian untuk menerima idea/stail penulisan sebegini amat tipis dan kerana mereka amat babi kerana hanya mahukan penulisan yang berunsur komirsil seperti novel cinta melayu murahan. Selain itu idea si penulis yang menggelarkan dirinya 'Wolverine' untuk menulis pasal tandas-tandas kat Malaysia pula memang best. I'll give full credit for that☺. Yang lain-lain itu ok jugak, sembang keria is fun, the poem kinda tiresome but ok. Interbiu ngan band Special Benefits tu plak band tu jawab cam babi je aku tengok dan info bout WTO is very useful. Bila masuk bab review baru la terasa ke noise/crust/grincore-an zine ni. Pastu banyak plak awek yang contribute. Boleh tahan gak Jimbo ni☺. They grind but they're funny that's what I like about it. Norhafizi, No 12, Jalan Lembah 24, Taman Desa Jaya, 81100 Johor Bahru, Johor.


My #2/ Battle of Da' Word #0 split zine/ size A5/ 32ms

Firstly, Battle of Da' Word, basically it's lacking strong point tapi ianya cuma exsperiment issue so I guess it's excusable. I still can't ignore the writing ideas. At least I can see the editor is really trying to push himself. Ok we got classifield, rant pasal respect, 'humble writing' kind of stuff dan a whole bunch of nasib-baik-tak-berapa-boring gig reviews. Interbiu ngan Extream Decay dari Indonesia. Risalah mengenai Student For Free Tibet dan oh, one great lift out artikel pasal sexual life dan peranannya oleh Dare To Care Collective dari Filipina. Sementara My zine pula.... Agak lemah untuk saya mengreviewnya, tapi kira boleh la.. ade interbiu ngan Battle of Disarm yang diambil dengan kebenaran dari Revolted zine. Ranting pasal respect dan kengkawan, cite pasal Northern With Love Collective (Malaysia). Cite pasal politikal prisoner Thomas Mayer dari leaflet ABC and yeah!! Sebuah Bulletin dari Crimethlnc!! Crimethlnc rules!! Alamat: BODW - Kia, PO Box #7126, 40704 Shah Alam, Selangor/ dan My zine - Abid, No 1, Block 6, Section 16, 40200 Shah Alam, Selangor.

DRSA #4/ size A5/ 44ms

DRSA is politikal, in term that it touches current issue and sistem pemerintahan di Malaysia. Kebanyakkan artikelnya bagus dan tidak 'lemau' atau 'lemah' serta banyak petikan-petikan ayat orang-orang atau penulisan tertentu. Ok la dari tampal atau salin semua bulat-bulat, sekurang-kurangnya

Memori tidak wujud untuk dilupakan, pasangan kekasih tidak wujud untuk dipisahkan. Harapan tidak wujud untuk dikecewakan. Namun kenangan yang pahit wajar dilupakan, pasangan yang tidak serasi wajar dipisahkan. Tradisi dan peraturan yang bodo dan mengongkong serta mengarut wajar dihapuskan. Tetapi harapan tetap tidak wajar dikecewakan. Kerana harapan is the only thing about a person yang kewujudannya tetap pure walau apa sekalipun, lebih pure dari cinta yang mudah ternoda. Bukan manusia tanpa harapan. Manusia yang tiada harapan umpama sudah mati. Manusia yang hilang harapan adalah tidak berguna. Harapan merupakan nadi sebenar sebuah kehidupan, manusia yang sesat di gurun yang panas, di lembah maut sekalipun mempunyai peluang untuk hidup sekiranya dia menaruh harapan untuk terus hidup. Semakin tinggi dan kuat harapan dan pengharapannya, semakin besar peluangnya untuk hidup. Cinta, kasih-sayang dan kebahagiaan tidak akan wujud tanpa harapan, tidak akan tercapai tanpa harapan. Perjuangan tidak bermakna dan berjaya tanpa harapan. Jika kita tidak mampu memberi duit kepada orang miskin, kita masih boleh memberikannya harapan. Walaupun harapan kosong, harapan yang sia-sia, harapan yang tinggal harapan, tetapi harapan tetap harapan, ditambah dengan kecekalan hati, merupakan kuasa terhebat seorang person. Namun manusia kerap dihancurkan harapannya. Tetapi pengharapan yang sebenar, yang sejati bukan mudah untuk dihancurkan, walaupun badan telah hancur, harapan tetap wujud dan diturunkan kepada generasi seterusnya dan seterusnya untuk meyambung pengharapannya. Harapan tidak akan mati! So apa yang penting sekali ialah bukan apa yang diharapkan akan tercapai dalam HC/punk, tetapi sebenarnya harapan itu sendiri, jangan biarkan harapan kita diragut.



Saya ingin mengganggu lamunan anda dengan memaksa anda membelek mukasurat-mukasurat yang memaparkan interview saya dengan editor Maximum Think zine iaitu En. Huzaiba. Diharap anda bersabar. Interview ni dah dibuat lama dulu masa saya masih bangang lagi dulu so kalau soalannya kedengaran bodo tu biasalah. Nak baca baca jelah tanpa banyak bunyi, taknak baca sudah.

HUZAIBA

Kata pembukaan. Zaiba, masa mula-mula ko jadi sXe sebab apa? Politik? Kesihatan? Trend? Apa benda yang ko buat yang menjadikan hidup ko bermakna?

Salam sejahtera semua, apa kamu semua buat tadi? Mengampu? Membodek? Cucuk belakang kawan? Saya Huzaiba, 21 tahun, belum berkahwin. Sebab jadi sXe? Mmm..saya bukan JADI SxE. Saya hanya salah seorang penyokong dan peminat falsafah dan lagu disebalik lirik Straight Edge. Politik? Mungkin kurang sXe berkata tentang ini, tetapi saya berkata kurang bukan bermakna tiada langsung. Kesihatan? SXe adalah anti-rock and roll. Jadi sXe membelakangkan cara hidup tidak sihat. Trend? SxE wujud sekitar tahun 80-an, sekarang sudah tahun 2000, kalau saya mengikut trend, saya dah lama tinggalkan sXe atas alasan ketinggalan zaman. Apa yang membuatkan hidup saya bermakna....mmm sukar untuk dipastikan. Mungkin cinta, mungkin ketenangan, mungkin kasih-sayang. Apa-apa pun selagi saya mampu mengembalikan segala kawalan diri, selagi itulah saya boleh katakan dapat menjadikan hidup ini bermakna. Lebih bermakna jika mampu menggunakan kewarasan dari nafsu dan kehendak membabi buta.

Laporan terkini berkenaan projek-projek yang tengah ko buat sekarang atau ko terlibat sama?

Saya masih dengan Maximum Think. Cuma sekarang penghasilan untuk isu #3 agak perlahan. Hardcore is a feeling #1 sudah keluar iaitu sebuah artzine yang dipenuhi oleh karya-karya (lukisan) dari kawan-kawan. Oh! #2 juga saya dalam pembikinan, sumbangan amat dialu-alukan. Projek terakhir adalah In Love With The System, sebuah komik zine. Semua ini dicaturkan oleh masa. *(Update: Maximum Think #3 dah lama kuar dan Zeba juga terlibat dengan komplot XsoberX collective dan Aman Distro).*

ada jugak interbiu ngan Engaged in Combat dan Second Combat. Skate video review, kuiz, lirik etc etc. Sedap gak☺ Pa'din, 5278, Bagan Belat, Telok Ai Tawar, 13050 Butterworth, Penang.

Nation on Rage #1/ size A5/ 68 ms

Aku tak tau sama ada nak panggil ini 'zine' atau 'buku skrap'. Tak ada pun yang editor ni buat untuk zine ni kecuali tulis editorial lepas tu tampal risalah-risalah, newsletter, leaflet dan brochure pasal mostly political anarchist movement. Apapun aku rasa bernasib baik jugak sebab ada jugak orang yang sanggup buat macam ni untuk spreadkan idea anarchist. Tapi aku tak pasti pulak sama ada editor zine ni betul-betul into this radical political anarchist movement around the globe atau dia hanya tahu tampal leaflet saja untuk memenuhkan zinenya. Harapnya tak la gitu. Apapun turn out zine ni berguna jugak kerana leaflet dan n/l yang ditampal di dalamnya bukan senang nak jumpa kat Malaysia ni, paling koman pun kena carik kat internet. Tapi aku tak baca risalah dalam internet kerana kadar radiasi yang tinggi dari screen monitor menyakitkan mata aku yang sensitif. Sebab itulah aku berasa bernasib baik dan berterima kasih kerana ada jugak editor tempatan yang sanggup buat benda macam ni walaupun kelihatnnya dia macam 'saje-saje' je buat zine kerana hampir tiada langsung hasil kerjanya untuk zine ni yang original. Harris, No 20, Jalan 30/10, Taman Koperasi Polis, 68100 Kuala Lumpur.

Sadis #2/ size A5/ 72ms

Zine ni sangat 'cute'☺ becoz sebab aku rasa ianya the positive-youth crew-hardcore type of zine☺ But it's good, betul. Ada interbiu ngan Ravage dan Second Combat, column yang bagus dari columnist-columnist pasal rape, surat- suratan, ranting, scene report dan review yang sangat banyak☺. Maybe ianya tak se-rad Dogged/Grounders mainly mungkin they're not as crazy as me and they like Postive Clean Fun more than Charles Bronson☺. Mohd Abira, No. 8, Blok G, Taman Bakti, 68000 Ampang, Selangor.

Detonate the Mind #3/ size A5/ 48ms

Kelihatannya seperti Maximun Think☺ Lay-out yang comel dan cara penyampaian yang macam dalam Bulletin Utama TV3☺. We got infos on peoples and people organizations (NOSC, Sober), info on hardline dan softline which is a good idea by the way yang menceritakan pasal sifat sebenar hardline movement dan untuk clearkan prejudis about hardline but adakah si editor sedar content petikan itu? But most hardliner are pro-life anti- abortion and that's suck. Pastu ade komik, column pasal nationalism, seks, sXe... I love the column called kentut. Interbiu with a bunch of band and discussion with a bunch of people (Reconstruct, Disgrace, Opprobrium Adornment, Factory Effect) dan review yang tak main-main☺ Ok overall. Kerk, No 19, Jalan Panti 2, Taman Johor, 81200 Johor Bahru, Johor. Xkerkx@hotmail.com.

Zines review

Out of Loud #1/ size A5/ 56ms

Err best la pulak zine ni? Mungkin sebab banyak columnistnya yang bagi artikel yang boleh tahan dan bagus serta agak inovatif contohnya brestfeeding topic is cool and satu pembaharuan pada scene tempatan selalunya saya hanya baca subject brestfeeding dalam zine oversea saja. Ini menunjukkan female-female punk disini sudah maju. Selain itu diorang banyak baca buku dan buat research. Mana editor tu dapat awek-awek punk yang intelligent tu ha? Cemburu sial ☺. Ok, ade live interbiu with Farid of Scum Attack –aku ni kureeng skit ngan live interbiu ni. Pastu ngan Grrl Rebel zine yang agak tidak menyenangkan hati saya –just some note to add for those girls: kalau nak a "no-rules-needed" scene boleh join the hippies scene sebab dalam U/G memang ade 'rules' as in individuals roles and functions or moral responsibility. Perkataan 'underground' tu pun dah menunjukkan ada rules dan sebab kenapa ianya harus 'underground'. Kalau nak scene 'no-rules-needed' tak payah 'underground' pun takpe. 'upperground' pun boleh 'no-rules-needed' jugak apa, ok grrls?☺ Kimie, Lot 1494, Kg Kelibang, Kerdau, 28010 Temerloh, Pahang. OutOfloud@cheguevera.zzn.com.

Vortex from the East #20/ size A5/ 40ms

Hahaha.. agaknya lepas teruk kena kutuk masa isu #19 dulu Aziz telah kembali kepada muzik rootnya iaitu lebih separuh dari isi kandungan kali ini ialah stuff metal!! Ambik korang!☺ Cover depan pun gambar hantu black metal tengah hisap darah pompuan. Kalau mak aku jumpa zine ni mampos aku☺ Kali ni baru ada interbiu yang sebenar dengan Pith Shifter, Mastic Scum, Public Disturance, Lycanthia, Thyrfing, Lockdown, Beast Petrify etc. Separuh daripadanya ialah band metal. Pastu ada review record (majoriti record metal). Aziz menceritakan 'ketaksubannya' pada scene thrash metal/metal serta ruangan surat pembaca yang kebanyakkannya mengutuk VFTE #19 yang lepas. Yang lawaknya Aziz dengan muka tak malunya selamba je buat artikel mengenai kekecewaannya pada band tempatan dan bebudak yang sell out hahaha.. Macam la dia tak penah support diorang tu hahaha.. Zine humor no 1!!☺ Abd Aziz, No 18 lane PJS 2C/11N, Medan Garden, 8th Miles Old Klang Road, 46000 Petaling Jaya, Selangor.

Sandwhich skatezine #4/ size A5/ 92ms

Hmm apasal zine skate sesat dalam review ni☺ Hahaha just joking. Dari banyak-banyak skate mags atau Rakan Muda punya skaters yang selalu poyo-poyo dalam RSB tu ok lagi zine ni sebab diorang 'DIY' lagi 'underground' wa cakap lu☺. Mereka telah buktikan yang 'DIY' is not shit kerana zine ni is so damn pro-lay-outed ngan laser zerox dan aku rasa itu lebih baik untuk sebuah skatezine. Rupa-rupanya banyak betul benda yang boleh dibuat topik dalam skate scene ni ye? Ingatkan cite pasal skate comp/demo report je. Sementara tu

Ok pi soalan mengarut sikit. Zeba, aku tau ko main skate. Pada aku, aku main skate adalah lebih sekadar hobi, tapi problemnya skate life ni banyak yang menyimpang dan koutra dengan ethics aku sebagai HC, contohnya anti-capitalism/establish Le: skate shop tolah company multinational, profit gile, kalo nak maju dalam skate, kasut mesti yang sesuai dan ter-best, tapi kasut yang sesuai semua mahal nak mampos, semuanya dibuat dari kulit, kalau yang separuh vinyl pun ada jugak bahagian dari kulit, bla bla bla macam-macam lagi la. Ko pernah terasa tak dilemma cam ni dan apa pendapat ko?


Yups! HC/punk adalah anti-kapitalis, tetapi saya kira ini tidak bermaksud menghapuskan semua kapitalis kerana ini adalah mustahil. Urusan jual-beli yang kita gunakan dalam penjualan zine/distro adalah salah satu cara kapitalis. Kita dibesarkan dalam sistem dan terpaksa menjadi pengguna untuk mendapatkan sesuatu samada untuk tujuan hidup dan sebagainya. Sama ada sesuatu produk itu mahal atau sebaliknya, ia tidak menjadi halnya jika kita memikirkannya untuk semata-mata keperluan kita. Boleh dikatakan saya bermain papan luncur selaju adalah kerana hobi. Jika saya menerapkan konsep penggunaan yang bijak, saya memerlukan pemakaian yang SESUAI untuk itu. T-shirt: baju ringkas yang tidak terlalu ketat dan longgar. Baggy pant: potongannya membolehkan saya bergerak dengan lebih selesa diwaktu melompat. Kasut: memerlukan kasut yang punya penyerap hentakan pada tumit. Sudah tentu ia melindungi saya daripada kecederaan. Diperbuat daripada suede/vinyl untuk mendapatkan cengkaman yang lebih selain daripada ianya ringan. Semua itu tadi saya boleh kata keperluan saya dalam sukan papan luncur selaju. Jika saya ingin mendapatkan produk yang lebih mahal hanya semata ingin berlumba dengan rakan hayan semata-mata untuk bergaya/trend, itu adalah satu konsep pengguna BUTA! Sukan papan luncur selaju dinihari sudah bergerak agak agak komersial dan trendy. Jika mahu katakan sukan ini dipengaruhi oleh syarikat-syarikat multinational juga satu keterlaluan. Cuma ada sebahagian sahaja syarikat pengeluar produk papan luncur selaju ke arah komersil semata-mata. Tony Hawk adalah pemain profesional dalam sukan initelah beralih kepada Adio daripada Airwalk sebagai sponsor kasutnya atas alasan bahawa Airwalk sudah kearah bukan lagi menganggap sukan papan luncur selaju sebagai elemen major dalam pengeluaran produknya (komersil ke arah duit semata-mata, bukan kerana semangat skateboarding). Aadakah Adio setaraf dengan jenama Adidas dan Nike yang dikenali oleh semua masyarakat global (itu dikatakan multinational). Tidak dinafikan suakn papan luncur selaju lebih kearah komersil, tetapi industrinya masih belum ditaraf multinational. Ops! Berbalik kepada konsep kepenggunaan tadi. Konsep kepenggunaan harus diselaraskan dengan kewarasan dan kawalan kita. Saya mengambil contoh perokok. Produk


Dunhill adalah sangat popular dikalangan peminatnya. Berbanding dengan harga rokok Suria (rokok kretek yang lain) yang lebih rendah harganya, mengapa ramai yang mampu memilih Dunhill atau rokok-rokok filter yang lain yang mana harganya lebih mahal. Sudah tentu ianya tentang kepuasan. Sama seperti penggemar alkohol, mengapa tidak memilih tuak atau samsu daripada jenama mewah seperti ..... dan sebagainya. Sekali lagi ianya mengenai kepuasan. Jadi, sanggupkah saya memaksa diri saya memakai kasut Fung Kiong yang tidak tahan lama dan agak berat serta tidak mempunyai span yang cukup untuk menyerap hentakan? Dimana campakkan kepuasan saya serta hak memilih saya sebagai pengguna bijak? Jika anda mempunyai wang yang cukup untuk memilih satu produk yang mahal untuk kesesuaian dan kepuasan anda sebagai pengguna bijak, itu adalah satu pilihan. Hak memilih ditangan anda bukan? Standstill: "what I used is what I meant, for what I I buy I feel convienced, what I spent is for quality (dipetik dari lirik "what I used" dalam reh.99'), Joe Kidd: Consumers are people who purchase/buy/obtain products churned out in the sysytem we're living in now. In that sense we're all consumers in some way, because we all purchase products for our use. But when you buy things just because you're hooked by certain things just because you feel your social standing is heightened by using "branded" names or by consuming peer-approved products, then you're just another blind consumer (dipetik dari temubual di dalam Callus zine #1).

Ko rasa salah ke 'cari makan' melalui HC/punk? 'Maksud aku bukan macam SCR, L&H', Victory tu tapi macam distro, co-op shop atau printing shop yang u/g. Contoh kalau orang tu cari makan,'dapat duit'/pendapatan hanya melalui penjualan zinenya, 'bisnes distronya', kedai co-op u/guya sahaja etc etc dan orang yg tak buat kerja lain? HC/punk untuk tempat cari makan? Itu bergantung. Menjual T-shirt, kaset,CD,zine dan sebagainya adalah satu kegiatan perniagaan. Seperti mana sudah dimaklumkan konsep niaga dalam HC/punk adalah selalunya berpatutan dan berboloi. Scenester bijak akan pasti tidak akan consume stuff yang harganya agak mahal. Ian Mackey dengan Discord records masih bertahan atas nama DIY. Mereka hanya menggunakan mailorders dan DIY-DIY networks untuk mencapai pendengar/pembeli. Discord masih boleh menjalankan 'perniagaan' mereka dengan harga CD antara US10 – US12(postage) tanpa sebarang masalah. Discord boleh 'hidup' melalui HC/punk! Dalam local scene ramai yang sincere dalam 'perniagaan' melalui HC/punk. Joe Kidd (Age), Weng (ex-Dull Entertainment Programme) dan Saha (Embrace) adalah antara nama-nama yang begitu komited dengan DIY HC/punk. Pada asasnya mereka-mereka ini menggunakan HC/punk sebagai tempat menjalankan kehidupan, tetapi dengan sincere dan honest serta

Sudah agak lama rasanya saya tidak memandang ke langit, pada waktu malam, bersendirian. Langit malam itu sungguh cerah. Malam sudah lanjut, bulan sudah lama tiada, menyerlahkan bintang-bintang yang bergemerlapan bertaburan di langit. Terasa hati ini tenang seketika, terlupa semua masalah yang menganggu ketenteramannya. Tidak perlu pun mendengar morissey, melihat keindahan gerlipan bintang-bintang di langit sudah mampu memberikan ketenangan yang sama di larut malam. Namun, sesekali terasa sunyi, terasa ketenangan yang dirasai kosong sahaja. Tiada insan istimewa disisi, berkongsi ketenangan dan keindahan bintang, bersama. Malam dan bintang tidak berkata-kata, jikalau bulan pun ada, bulan juga membisu sahaja. Namun malam dan bintang dan bulan tetap setia mendengar bicara hati. Saya senang meluahkan segalanya pada malam dan bintang dan bulan. Walaupun, saya sedar malam dan bulan dan bintang tidak mampu memberi nasihat, namun saya rasakan malam dan bintang dan bulan seolah-olah sangat memahami perasaan saya, dan saya dapat rasakan ketenangan yang mereka beri. Ketenangan itu mengingatkan saya kepada pencipta kami berempat- malam, bintang, bulan, dan saya. Namum itulah hakikat, kepincangan insan bergelar manusia, hanya ingatkan malam dan bintang dan bulan, tatkala hati mereka merintihkan sesuatu, jawapan, jawapan mereka sendiri. Malam dan bintang dan bulan tetap setia, tidak sedikitpun mereka merungut. Namun, malam dan bintang dan bulan pergi jua, ketika sang suria mengambil tempatnya. Maka terjagalah insan bergelar manusia, dari lamunan mereka yang sementara, lantas sang suria menerjah ke muka, setiap insan bergelar manusia. Menyuluh bumi dimana mereka berada. Dan bermulalah kembali kerinduan saya, pada malam, padaNya, pada 'si dia', pada satu yang istimewa....







menekankan komitmen yang tinggi untuk DIY HC/punk scene, semuanya tidak akan menjadi masalah. Benefit untuk diri sendiri dan juga kepada DIY HC/punk ethics khususnya. Buat apa memilih world-wide-mainstream-networks untuk pengedaran stuff? Harga release akan tinggi kerana 50% harga akan dibazirkan kepada pengedar serta outlet (kedai kaset/musik). Tak salah mahu cari makan melalui HC/punk asalkan ia betul-betul honest, sincere dan juga fairness.

So, berdasarkan soalan kat atas tadi, adakah ini bermakna mereka umpama 'usahawan HC/punk'? As far as I'm concern that's 'capitalist' too in a sense?

Usahawan/kapitalis hanya memikirkan keuntungan semata-mata. 'Usahawan' HC/punk mengamalkan kejujuran, keikhlasan, berpatutan, independent (DIY) yang bebas dari sebarang kesempatan untuk atas nama duit semata-mata. Capitalist-sense? If we buy and sold something, isn't the same idea in what capitalist works? How we can escape from that? How bout practicing minimal capitalism by minimizing the profit margin? Deal? That's why I meant by try to be fair and reasonable transaction-based in HC/punk. Reject greed and selfishness! Peh! Cakap mat salleh aku, kembang sikit buntut!

Ko ada simpan duit atau pinjam duit dalam bank swasta/kerajaan tak? Semua bank ialah berasaskan sistem kapitalist, habis tu.....????

Habis tu?...too phat! Sekali lagi aku tak tentang total dengan sistem kapitalis. Saya masih tak terlepas dari consume product-product daripada kapitalis hasil kebijaksanaan komersil mereka. Apa yang mampu, cuma try minimize! ×3. Tentang simpan duit dalam bank, ini macam soalan no.3. Ia menyentuh soal keperluan. Tak salah jika simpan duit dalam bank jika ianya perlu, seperti keperluan untuk menggunakan telifon selular dan internet. Jika duit berkurangan disimpan didalam bank, baru boleh boikot. Lagipun banyak bank menarik penyimpan dengan dividen. Use and abuse eh! Nenek kita simpan duit bawah bantal hilang 2 kali. Aku rasa kau lecture dia keburukkan sisitem kapitalis ni....old-skool gile!

Sebab tak perlu masukkan religious dalam HC/punk kerana "the answer is there, full stop, end of discussion". So, kalau dah tak boleh bincang lagi matilah tujuan asal movement HC/punk tu, orang lain macam homosex dan pro-abortion tu tak dapat la beri pendapat mereka dengan bebas so jawapan dan penyelesaian yang lebih 'adil' dan equal tak dapat dicapai. Betul ke?

Bukan sebab diskusi itu akan terhenti, ini sebab HC/punk bukan diwujudkan berbahas mengenai agama mana yang paling bagus! HC/punk adalah counter-

culture iaitu tindak-balas terhadap hal-hal kemanusiaan dalam society. Agama perkara sensitif dan selaunya ia adalah pilihan peribadi. Jika mahu masukkan unsur-unsur agama dalam HC/punk apa tujuannya? Tegakkan syariat Islam, against kafir! Benci kepada non-muslim? Jangan jadi sXe? Jangan petik gitar? Jangan pergi disko (gig)? Peh! Fasis tu! Mana letaknya equal? Macammana para atheist nak join HC/punk? Itu diskriminasi namanya. Macam agama dimasukkan dalam politik! Haru semuanya. Masing-masing berlagak tuhan. Adil ke jika HC/punk dikhas untuk satu bangsa, satu warna kulit, satu agama, satu cara hidup? Kalau pro-life tidak terlalu fasis, itu takpe. Jangan ada memasukkan unsur-unsur prejudis dalam HC/punk! Tak elok tuuu...

Ada orang tu nak jadi anarchy tapi dia masih percayakan tuhan. Ok dia pun cakap "aku percayakan tuhan dan melaksanakan tanggungjawab aku dalam agama atas kerelaan hati! Ikhlas! Bukan dipaksa atau terpaksa!" Macammana tu?

No god, No master! "God" bukan sahaja dihalakan kepada Tuhan sesuatu agama. Ia mungkin kepada manusia yang sekarang ni sengaja mencipta tuhannya sendiri, seperti contoh: Duit. Secara ikhlas, saya tidak terlalu menghayati apa yang diperjuangkan oleh anarkis. Tetapi berdasarkan pemerhatian dan bacaan saya boleh disimpulkan sesuatu. Satu penulis optimis dari editor Submissive Riot, Bandung, Indonesia. Tajuknya "apakah anarkis anti-agama?". Penulis menegaskan bahawa tidak salah seorang anarkis dengan agamanya. Anarki bukan satu bentuk ideologi dimana mesti dimiliki atau diaturi oleh sebuah idea. Jadi, pergerakan anarki diseluruh dunia berbeza! Ya! Bergantung kepada situasi, kerana seperti disebutkan, anarki bukan satu ideologi! Anarki berdasarkan berfikir menurut cara kita sendiri. Jika sebuah agama membawa kesan yang positif dan juga anarkisme yang membawa kesan positif, jadi tiada bezanya. Anarkisme mengajar kepada kita bahawa setiap manusia mempunyai pendapat sendiri. Dan inilah yang sering disebut sebagai "penggali sumber daya individual manusia'. Agama adalah sebuah kepercayaan dasar yang mendasari hati tiap individu pada hubungan dengan tuhannya. Dan kepercayaan dasar itulah juga hak dasar dari tiap manusia. Manusia memiliki kebebasan penuh untuk memilih agama dan kepercayaan sendiri. Oleh sebab itu jgalah manusia berani untuk menghadapi kehidupan ini. Jadi anarkisme berasaskan kebebasan diri sendiri dan individu lain. Adalah kebebasan untuk beragama atau tidak. Jika anarkis anti-agama? Jawapan saya tidak!

Kan best kalau tiap-tiap hari Hari Raya, orang bermaaf-maafan, bagi duit, sedekah kat orang. Tiada hate, layan semua orang tak kira high class, middle class, working class sama rata, bagi semua makan sedap-sedap. Gembiralah orang yang kurang berupaya

JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA PASTI INDAH. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA PASTI DAPAT MENYENTUH NALURI. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA PASTI DIINGATI. JIKA KITA BUAT SESUATU DEGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA PASTI ISTIMEWA. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA LEBIH BERMAKNA. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA LEBIH BERHARGA. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA DILUAR JANGKAAN KITA. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA TIDAK TERNILAI. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA TIADA TANDINGAN. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA DUA KALI GANDA. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA MENGGAMBARKAN PERASAAN KITA YANG SEBENAR-BENARNYA. JIKA KITA BUAT SESUATU DENGAN SEPENUH HATI KITA, DAN IKHLAS. HASILNYA AWEK/BALAK PASTI AKAN SANGKUT DENGAN KITA.





Saya percayakan takdir, saya percayakan takdir yang ditentukan oleh Tuhan. Saya boleh himpunkan balik peringkat-peringkat sepanjang penghidupan saya hingga sekarang dan saya boleh melihat bagaimana ianya relate antara satu sama lain, saya dapat melihat ritma-ritma dan sequence dalam hidup saya berkait rapat anatara satu sama lain, saya boleh lihat bagaimana tanpa kegagalan silam saya mungkin tidak mencapai kejayaan hari ini. Saya dapat melihat bagaimana kecelakaan yang menimpa orang lain yang saya kenali memberi pengajaran kepada saya dan sebaliknya. Saya percayakan nasib yang baik atau buruk telah dirancang dan ditentukan oleh Tuhan semata-mata untuk mengajar dan memberi penunjuk kepada kita Tetapi saya tidak percayakan dengan tilikan nasib atau sebarang good luck charm bukan hanya semata-mata kerana agama saya melarangnya tetapi peribadi saya yang sekular pun menganggap kita tidak patut melihat jalan cerita yang telah ditentukan untuk kita, ia tidak sepatutnya kerana ia umpama memgambil jalan pintas dan hidup kita menjadi amat mudah dan hambar serta kurang menarik dan hilang maknanya. Kehidupan manusia sekiranya manusia mampu menilik nasib hidup mereka umpama bagaimana kita sudah tahu jalan cerita sesuatu filem atau bagaimana untuk memenangi sesuatu permainan strategi computer game. Bertapa bosannya dan terlalu mudah. Just think, manusia yang tanpa pengalaman dan pengajaran adalah amat naif dan jahil. Sementara itu good luck charms juga are just totally crap! Jika good luck charm benar-benar wujud, senang betullah manusia di dunia ni kerana semua orang akan bernasib baik dan tiada orang akan ditimpa malang. Just fikirkan secara realistic dan logic, nothing comes easy, dan ada reason kenapa ianya begitu. Melihat kepada pejalanan hidup kita dari mula-mula kita dilahirkan hingga ke saat ini, dimana kita berada sekarang, melihat bagaimana takdir kita pada waktu dahulu yang kita anggap malang telah membawa kita kemana pada hari ini. Semua ini akan membuka mata kita, ia memberi satu kesedaran, conciousness dan I think it's very punk untuk mempunyai kesedaran seperti ini, we have the clue on why we do, that's punk, kebanyakkan comformist takde kesedaran seperti ini, mereka cuma tahu comform without any clue why. Kenapa kebanyakkan kita berasa takut apabila membincangkan tentang perkara spiritual, adakah kerana ianya religious? Kenapa takut, challenges norma dan taboo yang telah kita tetapkan sendiri dalam HC/punk scene ini. Question everything yang dulunya semua orang tidak berani mempersoalkan. Batasnya ada, tetapi jangan sempitkannya, sempitkan kuasa pemikiran kita sendiri.

baik, cacat, tua, yatim piatu.... Dan sebagainya, bak kata kalau setiap hari Hari Raya kita tak payah dah jadi HC/punk. Tapi anarchist tak sambut raya, krismas, deepavali?!! Ada anarchist yang bermentaliti sebegitu, "aahh mendelah raya tu...", apa komen ko Zeba, maaf sekiranya soalan ini sensitif bagi anarchist dan etheist.

Ya...memanglah best. Tapi itu adalah mustahil. Tetapi aku tengok sambutan hari raya dalam society hanyalah sekadar mahu keseronokkan. Saya tak kata semua. Tetapi kebanyakkannya. Time hari raya baru nak mintak maaf, tapi lepas tu buat balik! Ikhlas ke bila kasi duit raya tu, ikhlas ke sedekah kat orang tu? Ataupun sekadar part of tradisi? Saya dengan society lebih banyak menaikkan paranoia saya. Secara ikhlas saudara-mara tak guna jika semua style liberal, iaitu kepentingan diri sendiri, backstabbing, ageism etc. Nilai orang lain berdasarkan keturunan dan penampilan. Bukannya pada hati dan keikhlasan. Bila ayah banduan, layan anak serupa bapak dia jugak! Yang berpelajaran tinggi itulah paling baik, paling mulia. Yang bodoh (tak masuk U) itulah jahat, hina! Semuanya borjois! Dah muak! Butuhlah! Kalau budaya society ini kita bawak masuk dalam HC/punk, aku rasa rosak! Bukan nak kata diri ni baik, tetapi sikap selfish tu buat taik! Kalau raya nak ikut tradisi itu tak ikhlaslah namanya. Jika raya menghayati apa disebalik hari raya itu sendiri, maka semua akan mendapat manfaat sebenar melaluinya. Mintak maaf sebab aka hilang kawalan.....


Ko suka lagi tak Earth Crisis (musically) despite of mereka telah sell-out sekarang? Tak dapat dinafikan EC still the most powerful dan spirited sXe band around walaupun mereka bukan lagi 'hardcore'....patah tumbuh hilang tak berganti lagi you!

Earth Crisis memang band yang berbakat. Mereka membawa mesej-mesej yang straight dan berat. Sama seperti Rage Against The Machine yang tak jemu menyanyikan lagu berunsur political yang mampu mengancam polisi negara ereka sendiri. EC memang band sXe dan juga pro-lifer (anti-abortion). Tetapi saya tidak menganggapnya sebagai band DIY hardcore yang sebenar. Anda sendiri tahu sebabnya bukan? Walaubagaimanapun saya ada juga mendengar EC sekali-sekala. Just in musically-sense.

Last words, boleh bela diri untuk apa-apa hal kalau mahu, bye dan makaceh!

Terima kasih kepada zartam, ops! Rostam. Dogged tu apa? Terima kasih kepada pembaca yang sudi membaca temubual ini. Jika ada yang menyinggung perasaan anda, saya hanaya mampu meminta maaf. Sebarang ketidakpuashatian sila email: maxthink@hotmail.com Maximum Think#3 akan muncul. Kemungkinan yang terakhir....1,2,3,4....go! Stay old-school!

Jika mahu mencari sahabat yang sejati, yang memahami perasaan dan hati kita, carilah Air Mata. Jika seorang lelaki atau punk malu untuk menangis, malu terhadap keegoannya sendiri, malu terhadap sifat masculinenya, malu terhadap sifat chauvinisticnya, malu terhadap sifat misogynicnya, malu kepada masyarakat yang comformist dan menekan, maka bodo amatlah mereka kerana sanggup mengenepikan seorang sahabat yang tak mungkin dapat dicari ganti di dunia ini. Seorang sahabat yang pasti hadir menemani setiap kali perasaan kita terluka, satu-satunya sahabat yang akan menyedari dan can sense apabila hati kita dilukai. Seorang sahabat yang cuba membantu kita melepaskan kesedihan, kekecewaan, kesakitan dan sebak di hati. Benar Air Mata itu bodoh, bodoh kerana dia hanya tahu mengalir di pipi walaupun hati ini cuba memujuk dirinya sendiri dengan menipu hakikat. Air Mata hanya tahu mengalir tatkala hati dan perasaan berasa sakit kerana dia hanya tahu untuk menemani hati dan perasaan tatkala mereka sakit tidak kira walau apa pun keadaan dan situasinya. Hanya air mata yang memahami apa yang dirasai oleh hati dan perasaan, sedangkan hati berlagak cekal dan tabah cuba menolak hakikat dan menipu diri sendiri kerana malu dengan kehadiran air mata barangkali. Seorang pengecut sebenarnya, takut kepada tanggapan bodoh golongan bangang yang kononnya kuat dah tabah yang malu kerana mempunyai seorang sahabat yang tulus seperti air mata. Air Mata itu jernih dan suci, dia tidak tahu bagaimana untuk menipu hati dan perasaan, dia tidak tahu bagaimana caranya untuk tidak memperdulikan keadaan hati dan perasaan. Lagaknya umpama anak kecil yang ikhlas dan suci yang tidak akan dinodai oleh nafsu jahat dan kealfaan dunia. Jika air mata sudah lama kering dalam jiwa seseorang, bersimpatilah terhadap hati dan perasaannya yang kesunyian tanpa teman yang memahami mereka. Pasti hati dan perasaannya sudah lama mati atau murung, mungkin dia sudah tidak mempunyai sebarang hati dan perasaan lagi. Atau barangkali kagumilah mereka kerana mungkin hati dan perasaanya amat kuat dan gagah hingga sukar dilukai dan tidak memerlukan sahabat. Atau mungkin juga akhirnya dia telah menemui teman sejati yang sesetia dan sehebat air mata.



Sahabatku seorang nerd, kerana label itu sahabatku seorang nerd dihina dan disisih oleh kenalan-kenalanku (I refuse to called them 'sahabat') yang menganggap diri mereka amat macho dan cool dan hip dan hot. Sahabatku seorang nerd, aku faham sekarang mengapa kau memarahiku kerana bersimpati denganmu. Kerana kau akhirnya telah mengajar dan menyedarkan aku bahawa kenalan-kenalanku yang menganggap diri mereka amat macho dan cool dan hip dan hot itu sebenarnya yang harus aku simpatikan. Sahabatku seorang nerd, aku kagum dengan kecekalan dan ketabahanmu. Bagaimana kau mengharungi kehidupan seharian berdepan dengan kebodohan dan kejengkelan manusia-manusia materialistik dan hipokrit di sekelilingmu.

Sahabatku seorang nerd, aku paham perasaanmu hidup sebagai seorang outcast, kesunyian dan bosan tiada teman setara untuk bergaul dan berbicara. Melihat kau makan berseorangan di meja kosong tatkala aku berada jauh untuk menemani. Disindir dan diumpat perempuan-perempuan hot yang bongkak tergedik-gedik dan berdekah-dekah-umpama anjing dekah ketawa sedarkan diri, betina yang tidak bukan punk, nasib baik mereka mereka cuma sudah pasti conformist. some petty aku dah dicop Kalau tidak, pasti seorang nerd, sexist. Sahabatku seorang insan sesungguhnya kau antara berjuta. istimewa, satu seorang nerd, Sahabatku nilai moralku aku malu apabila sedangkan aku membandingkan diriku seorang denganmu punk yang mahu mengubah dunia menjadi tempat yang lebih baik untuk menganggap semua. Namun sahabatku seorang nerd, disinilah perbezaan antara kita. Kau menganggap sistem dunia mainstream itu betul sementara aku berpendapat sebaliknya. Tetapi sahabatku seorang nerd, ketahuilah bahawa apabila diberi pilihan antara kenalan-kenalanku yang menganggap diri mereka amat macho dan cool dan hip dan hot itu dan kau, aku lebih gembira dan lega mempunyai kau sebagai seorang sahabat. Seorang sahabat yang aku hormati, seorang sahabat yang sejati, seorang sahabat untuk selama-lamanya.

